Headline	13 batang besi TNB dicuri		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	4
ArticleSize	71 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,185		

13 batang besi TNB dicuri

Angkara pencuri besi, kontraktor pemasangan menara dan kabel elektrik dari Bukit Merah ke Air Tawar, Lumut, (**gambar**) Perak, kerugian lebih RM90,000 susulan 10 kes kecurian komponen binaan terbabit sejak April lalu hingga kini, terutama di kawasan Trong.

Pengurus projek syarikat kontraktor terbabit, Mazlan Abd Ghafur, berkata dalam kejadian terbaru Jumaat lalu, 13 batang besi penyokong hilang dari sebuah menara di kawasan berkenaan.

Tanpa besi penyokong, menyebabkan setiap menara yang berat antara 18 hingga 45 tan itu boleh tumbang, sekali gus membahayakan keselamatan orang ramai.

Powered by: iSENTIA